

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (Isnin)

SOALAN

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tambang pengangkutan awam terutamanya tambang perkhidmatan bas telah diturunkan atau masih menggunakan kadar tambang yang sedia ada walaupun berlakunya penurunan harga minyak.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada perubahan kepada harga tambang bas henti-henti dan pengangkutan awam yang lain, kecuali teksi, walaupun terdapat penurunan harga bahan api baru-baru ini.
2. Kadar tambang sedia ada adalah mengikut kadar tambang yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pada tahun 2009. Sejak hampir enam (6) tahun yang lepas, tiada kenaikan tambang diumumkan. Pada tahun 2009, kos minyak diesel ialah RM1.70 seliter dan kos minyak petrol ialah RM1.80 seliter. Ini bermakna, walaupun harga bahan api baru-baru ini mengalami penurunan, namun ia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga bahan api ketika kali terakhir kadar tambang pengangkutan awam disemak dan diperbaharui pada 2009.
3. Kos operasi bas secara amnya tidak hanya bergantung kepada kos bahan api. Kos bahan api ini merangkumi sekitar 11 hingga 20 peratus, manakala selebihnya adalah kos penyelenggaraan, gaji pemandu, insurans, tayar, pembiayaan bas dan lain-lain.
4. Sehubungan itu, penetapan harga tambang tidak hanya tertakluk kepada harga bahanapi semata-mata tetapi akan mengambil kira semua kos yang terlibat dan pada masa yang sama memastikan

pengusaha dapat beroperasi secara lestari dan tidak membebankan penumpang.

Sekian, terima kasih.